

2 MAR 1996

MENTERI TERNAKAN MYANMAR LAWAT MALAYSIA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Menteri Ternakan dan Perikanan Myanmar Brig Jen Maung Maung akan tiba di sini esok untuk melakukan lawatan rasmi seminggu ke Malaysia.

Beliau akan disertai oleh tujuh pegawai kanan termasuk Ketua Pengarah Kementerian Ternakan dan Perikanan, menurut Kementerian Pertanian dalam kenyataan hari ini.

Lawatan beliau adalah untuk meninjau dan mempelajari pengalaman Malaysia dalam perancangan dan pembangunan pertanian khususnya di sektor akuakultur, pembangunan ternakan dan penyelidikan dalam bidang perikanan.

Semasa di sini, Maung akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Haji Daud.

Selain itu, beliau akan diberi taklimat oleh Kementerian Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan selain melawat Institut Penyelidikan Haiwan dan Pusat Penyelidikan Ternakan Asean di Ipoh, kata kenyataan itu. -- BERNAMA

ES NMO